



10 MAR, 2026

Suap RM53k elak TNB ambil tindakan



Harian Metro, Malaysia

Suap RM53k elak
TNB ambil tindakan

Butterworth: Peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, semalam atas dua pertuduhan memberikan suapan wang tunai berjumlah RM53,000 kepada kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB), lima tahun lalu.

Tertuduh, Tiang Soon Ying, 40, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah dan memohon dibi-cayakan.

Bapa empat anak itu didakwa secara rasuah memberikan suapan wang tunai masing-masing RM10,000 dan RM43,000 kepada individu berusia 42 tahun yang bertindak bagi pihak TNB sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas beberapa premis sekitar Manjung dan Setiawan, Perak.

Ia susulan premis itu disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) kerana mengganggu, mengambil dan menggunakan elektrik termasuk mero-sakkan pemasangan milik TNB.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah hotel di George-

town 5 Januari 2021, jam 3.30 petang dan 15 Sep-tember 2021, jam 10.30 malam.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhan-jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama, yang sabit kesalahan bo-leh dipenjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak ku-rang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kes dikendalikan Pega-wai Pendakwa SPRM Pe-rak, Sharul Aznan Gha-zali dan Mohd Afiq Mohd Adnan, manakala tertu-duh diwakili peguam Hong Chong Hang.

Mahkamah membe-narkan tertuduh diikat jamin RM30,000 bagi ke-dua-dua pertuduhan dan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Zulhazmi turut mene-tapkan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh supaya tarikh sebutan 18 Mac depan bagi kes sebelum ini dapat ber-jalan serentak dengan dua pertuduhan baharu dihadapi tertuduh sema-lam.



SOON Ying didakwa memberikan suapan wang tunai RM10,000 dan RM43,000 kepada individu yang bertindak bagi pihak TNB.